

No. Soalan:2
PR-1321-L60999

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN**
MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]

TARIKH : **20 MAC 2014**

SOALAN : **Tuan Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin [Bukit Katil]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Kementerian dalam memberi pandangan kepada pihak imigresen negara asing bagi menghalang seseorang individu atau tokoh politik memasuki negara tersebut, seperti mana YB. Ketua Pembangkang dihalang daripada memasuki Jepun pada 19 Januari 2014 atas alasan “laporan terbaru” yang diterima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat **Bukit Katil** secara bersekali dengan pertanyaan dari Yang Berhormat **Libaran** pada 7 April 2014, kerana ia menyentuh kepada isu yang sama.

2. Sebelum saya menjawab, saya ingin mengulang semula soalan YB Bukit Katil yang mahukan penjelasan Kementerian mengenai pandangan yang diberi kepada imigresen negara asing bagi menghalang seseorang individu atau tokoh politik memasuki negara tersebut' yang pada pendapat saya, soalan tersebut mempunyai niat yang berprasangka buruk terhadap kerajaan.

3. Sebagai mana yang Dewan yang Mulia ini sedia maklum, setiap negara yang berdaulat mempunyai hak bagi menentukan polisi dan undang-undang negara masing-masing, termasuk menentukan sendiri akan peraturan imigresen yang berkaitan.

4. Lantaran itu, hak sesebuah negara untuk membuat kepastian dan keputusan untuk membenarkan seseorang warganegara asing memasuki atau sebaliknya ke dalam negara tersebut adalah hak mutlak negara berkenaan.

5. Oleh yang demikian, Malaysia tidak akan mencampuri keputusan yang dibuat oleh mana-mana negara asing dalam menghalang seseorang individu memasuki negara tersebut sebagaimana kita tidak mahu orang lain mencampuri hal ehwal dalaman negara kita. Lazimnya tiada sebarang penjelasan perlu diberikan oleh negara berkenaan atas sebab musabab tindakan yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Seperti yang Dewan yang Mulia sedia maklum, tindakan pihak Imigresen Jepun menghalang Ketua Pembangkang memasuki Jepun telah menimbulkan rasa tidak puas hati segelintir pihak, termasuk YB Bukit Katil.

7. Ekoran daripada itu, YB Bukit Katil dan rakan-rakan mereka telah mengadakan demonstrasi bagi memprotes perintah halangan tersebut di hadapan Kedutaan Jepun pada 21 Januari 2014 tanpa memikirkan kesan dan implikasi yang tidak baik terhadap hubungan dan kerjasama Malaysia-Jepun.

8. Namun begitu, oleh kerana hubungan diplomatik Malaysia dengan Jepun yang terjalin dengan begitu baik selama ini, Kedutaan Besar Jepun di Kuala Lumpur telah menjelaskan secara terperinci bahawa larangan masuk berkenaan dilaksanakan berdasarkan

Peruntukan Akta Kawalan Imigresen dan Pengiktirafan Orang Pelarian Jepun, Seksyen 11, Perkara 5 (iv) iaitu:

“any foreign national who has been convicted of a violation of any law or regulation of Japan, or of any other country, and has been sentenced to imprisonment with or without work for 1 year or more, or to an equivalent penalty shall be denied permission to land in Japan”

Sekian, terima kasih.